

No. Sebut harga : **MPAJ 12/03/02-272/2024****KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA,
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR
55100 KUALA LUMPUR.

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

BIL	KETERANGAN ASET	*NO PENDAFTARAN KENDERAAN	KUANTITI	HARGA SIMPANAN (RM)	DEPOSIT SEBUT HARGA (RM)
1.	LORI ISUZU 3 TAN	BHT 1474	1	14,000.00	700.00
2.	TOYOYA FORTUNER	BJA 6543	1	10,800.00	540.00
3.	NISSAN AMROLL 5 TAN	WVM 5062	1	3,500.00	175.00
4.	MODENAS KRISS	WSV 6231	1	370.00	-

** Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.*

2. Aset boleh dilihat pada 24 Julai 2024 hingga 12 Ogos 2024 di antara jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang di Stor Ampang Avenue, Pandan Indah.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW. PA – 28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga: **MPAJ 12/03/02-272/2024** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat:

Jabatan Khidmat Pengurusan
Aras 4, Majlis Perbandaran Ampang Jaya,
Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama,
Pandan Indah, Selangor
55100 Kuala Lumpur

5. Tarikh tutup sebut harga pada 12 Ogos 2024 (Isnin) jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.



.....
 (Tandatangan Ketua Jabatan)

Tarikh : 22/7/24

Cap : **MOHAMAD YUSUF BIN SULAIMAN**
 PENGARAH
 JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset Alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, *cukai kastam / duti import dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.